

KUTIPAN CAJ JALAN PERSENDIRIAN JALAN GENTING HIGHLANDS

Dimaklumkan bahawa Lingkaran Cekap Sdn Bhd (“LCSB”), selaku pengendali jalan yang bertanggungjawab atas Jalan Genting Highlands akan melaksanakan caj jalan persendirian melalui dua fasa seperti berikut.

Berkuat kuasa pada 28 Mei 2026

Semua pengguna jalan, kecuali dalam kategori di bawah, dikehendaki untuk membayar caj jalan dalam kadar penuh apabila memasuki Jalan Genting Highlands.

Kutipan caj akan dibuat di lokasi-lokasi berikut: -

1. Laluan Masuk Genting Highlands di Genting Sempah
2. Laluan Masuk Gohtong Jaya di bulatan Gohtong Jaya

Kelas	Keterangan	Laluan Masuk Genting Highlands	Laluan Masuk Gohtong Jaya
1	Kereta / Van	RM 5.00	RM 5.00
2	Lori Sederhana*	RM 15.00	RM 15.00
3	Lori Berat*	RM 25.00	RM 25.00
4	Teksi*	RM 3.30	RM 3.30
5	Bas*	RM 5.00	RM 5.00

*Kenderaan kelas 2, 3, 4 dan 5 dikehendaki untuk menggunakan laluan Lorong Khas/*Licence Plate Recognition Lane* (LPR).

Kategori-Kategori Kenderaan yang Terkecuali dan Berdaftar

Beberapa kategori kenderaan yang telah dikenal pasti untuk dikecualikan daripada caj jalan dan/atau pendaftaran dengan LCSB. Kategori ini ditentukan berdasarkan keperluan operasi penting, pertimbangan perkhidmatan awam dan kelayakan penduduk:

1. Dikecualikan (Tiada Pendaftaran Diperlukan)
 - (a) Kenderaan Kecemasan
 - (b) Motosikal

2. Dikecualikan (Dengan Pendaftaran)

- (a) Kenderaan Rasmi Kerajaan
- (b) Kenderaan Persendirian Penjawat Awam yang berkerja di Institusi Kerajaan di Genting Highlands
 - i. SK Sri Layang
 - ii. SMK Sri Layang;
 - iii. Institut Aminuddin Baki;
 - iv. Balai Polis Genting Highlands;
 - v. Balai Polis Gohtong Jaya;
 - vi. Balai Bomba dan Penyelamat Genting Highlands;
 - vii. Klinik Desa Sri Layang;
 - viii. Pejabat Daerah Kecil Genting Highlands;
 - ix. Pejabat Daerah dan Tanah Bentong;
 - x. Pejabat Cawangan Majlis Perbandaran Bentong(Cawangan Genting Highlands)
 - xi. Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Pahang (Cawangan Genting Highlands)

Berkuat kuasa pada 28 Jun 2026

3. Penduduk Tetap

(a) Kadar Eksklusif (Pendaftaran Diperlukan)

Penduduk tetap Genting Highlands digalakkan untuk mendaftar dengan Lingkaran Cekap Sdn Bhd (“LCSB”) di bawah kategori “Penduduk Tetap”. Setelah pendaftaran diluluskan, mereka layak menikmati kadar eksklusif khas yang terhad kepada kenderaan Kelas 1 sahaja.

Penduduk tetap yang layak dan telah disahkan serta didaftarkan dengan LCSB tidak akan dikenakan sebarang caj sebelum 25 Jun 2026

(b) Skim Pas Bermusim (Pendaftaran Diperlukan)

Selain itu, LCSB akan memperkenalkan skim pas bermusim selama enam (6) bulan khas untuk penduduk tetap berdaftar. Pas ini membolehkan pemegang menikmati kemasukan tanpa had ke Jalan Genting Highlands sepanjang tempoh sah laku, sekali gus menawarkan lebih kemudahan dan penjimatan kos yang lebih berbaloi. Penduduk berdaftar yang berminat boleh mendapatkan pas bermusim ini dengan membuat permohonan serta bayaran yang berkaitan.

Semua kenderaan yang dikecualikan dan/atau berdaftar wajib menggunakan lorong khas/LPR untuk menikmati pengecualian dan kadar eksklusif yang ditawarkan. Kadar pengecualian dan kadar eksklusif ini akan disemak dari semasa ke semasa bagi memastikan kesesuaiannya selaras dengan perubahan operasi atau polisi semasa.

Sila ambil maklum bahawa semua pengguna jalan raya yang dibenarkan tertakluk kepada Peraturan dan Syarat Penggunaan Jalan Genting, termasuk terma dan syarat berkaitan caj jalan raya. Dokumen berkaitan, set Soalan Lazim (FAQ), maklumat penuh kategori kenderaan, kadar eksklusif, prosedur pendaftaran serta skim pas bermusim boleh didapati di laman web rasmi kami di www.lingkarancekap.com. Pengguna jalan raya disarankan untuk melayari laman web tersebut secara berkala bagi mendapatkan maklumat terkini.

Kami mengucapkan terima kasih atas kefahaman dan kerjasama anda. Semoga perjalanan anda selamat dan menyenangkan.

Lingkarancekap Sdn Bhd

25 Mei 2026